

# Tunku Azizah berkenan buka sidang pertama Majlis Konvokesyen UIAM

03 Disember 2022 02:14pm Masa membaca: 2 minit



Tunku Azizah berkenan bertitah pada Majlis Konvokesyen UIAM ke-38 pada Sabtu. - Foto Bernama

KUALA LUMPUR - Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah berkenan membuka sidang pertama Majlis Konvokesyen Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) ke-38 di Dewan Utama, Pusat Aktiviti Kebudayaan, UIAM pada Sabtu.

Tunku Azizah yang juga Ketua Perlembagaan UIAM dalam titah baginda menzahirkan ucapan tahniah kepada semua graduan UIAM dan penerima anugerah pada majlis berkenaan.

"Beta berharap kecemerlangan ilmu yang dicapai hari ini akan menjadi suluh cahaya yang bakal menerangi perjalanan buat semua," titah baginda.

Seri Paduka Baginda turut berkenan menyampaikan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (PhD) kepada Pengerusi SME Corp Malaysia, Datuk Seri Syed Hussien Abd Kadir Al Hashee atas sumbangan khidmat cemerlang beliau di dalam dan luar negara.

Pada majlis itu, Syed Hussien, 73, yang sebelum ini merupakan Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan Setiausaha Agung Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) menerima skrol ijazah kehormat itu daripada Tunku Azizah.

Dalam pada itu, Tunku Azizah turut berkenan menyampaikan Anugerah Ibn Khaldun Merit Aware for Global Social Transformation kepada Pengarah Islamic World Educational, Scientific and Cultural Organization (ICESCO) Dr Amira Eifadil atas sumbangan organisasi itu yang telah sekian lama bekerjasama dengan UIAM dalam kepakaran ilmu pengetahuan.

UIAM menerusi kenyataan memaklumkan ICESCO merupakan organisasi antarabangsa yang tidak berteraskan keuntungan dalam menghimpunkan kerjasama yang mengkhususkan bidang pendidikan, sains dan kebudayaan dalam dunia Islam.

Sementara itu, dua graduan orang kurang upaya (OKU) iaitu Muhammad Weeldan Md Fauzi dan Ahmad Aimannaim Roslan merupakan antara 223 graduan doktor falsafah diraikan pada sidang pertama majlis konvokesyen pada Sabtu.

Muhammad Weeldan yang merupakan graduan cacat penglihatan telah menerima doktor falsafah dengan Anugerah Pencapaian Khas (Akademik) Abdullah Ibnu Umami Maktum manakala Ahmad Aimannaim yang menghidap sindrom Kecelaruhan Hiperaktif Kurang Daya Tumpuan (ADHD) menerima Anugerah Pencapaian Khas (Ko-Kurikular) Amru Ibn Al-Jamuh.

-

Bernama